

16/01/1997

Tindakan jika ada bukti seleweng beri tender

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan bertindak jika ada bukti kukuh yang menunjukkan wujud penyelewengan dalam pemberian tender perkhidmatan telekomunikasi di antara Telekom Malaysia Berhad dan Ericsson, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau menerima laporan awal mengenai perkara itu dua minggu lalu dan sudah mengemukakannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum beliau berlepas ke Amerika Syarikat.

"Dalam penjelasan kepada Perdana Menteri, kita berpendapat jika ada bukti penyelewengan, kita akan beri balasan setimpal," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barangan Perlu di sini, hari ini.

(END)